

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 JUNE 2016

Prestasi Malaysia setanding negara maju - Najib

UM - 26/6/2016

# Keyakinan pelabur meningkat

Oleh **HUSSAINI AMRAN** dan  
**MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

■ **KUALA LUMPUR 25 JUN**

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak berkata, keberkesanan pelbagai langkah yang dilaksanakan kerajaan berupaya meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap kestabilan ekonomi negara.

Perdana Menteri memberitahu, dasar-dasar yang digubal kerajaan bersifat mesra perniagaan dan hakikat tersebut diakui oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) serta Bank Dunia.

Menurut beliau, laporan yang dikeluarkan oleh kedua-dua badan tersebut baru-baru ini meletakkan Malaysia dalam kalangan antara negara terbaik dari segi daya saing dan mesra perniagaan.

"Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia menyenaraikan Malaysia dalam kelompok yang sama de-

ngan negara-negara maju seperti Jepun, Hong Kong dan Singapura.

"Kita telah menerima banyak pengiktirafan serupa sekali gus membuktikan institusi-institusi antarabangsa yang berwibawa mempunyai keyakinan terhadap program transformasi yang kerajaan laksanakan," katanya ketika berucap merasmikan pembukaan Pasar Raya Besar LuLu di Cap-Square, Jalan Munshi Abdullah di sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. J. Loga Bala Mohan; Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita, Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Pengerusi Kumpulan LuLu, Yusuff Ali.

Najib yang juga Menteri Ke-

wangan menambah, badan-badan antarabangsa tersebut memuji langkah-langkah sukar yang diambil kerajaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi termasuk rasionalisasi subsidi minyak serta pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menyifatkan pembukaan cawangan sulung Pasar Raya Besar LuLu itu menunjukkan syarikat-syarikat asing yakin dengan reputasi Malaysia sebagai destinasi pelaburan terbaik di rantau ini.

"Kegiatan pelaburan oleh syarikat-syarikat asing juga memberi manfaat yang besar kepada rakyat," jelasnya.

Perdana Menteri memberi contoh, nilai pelaburan asing dalam sektor peruncitan pada tahun lalu mencapai RM2.59 bilion dan mewujudkan lebih 72,000 peluang pekerjaan.

Menurut beliau, Kumpulan

LuLu akan melabur kira-kira RM1.3 bilion dalam fasa pertama yang melibatkan pembukaan sebanyak 10 pasar raya besar di seluruh negara dalam masa lima tahun.

"Lebih 5,000 rakyat tempatan akan diambil bekerja sepanjang fasa pertama dan petani serta pembekal tempatan juga bakal menerima manfaat apabila produk pertanian dan bukan makanan keluaran mereka dipasarkan di semua Pasar Raya Besar LuLu," katanya.

Najib percaya pembukaan Pasar Raya Besar LuLu akan memberi lebih banyak pilihan kepada rakyat untuk membeli pelbagai barangan berkualiti.

Beliau berkata, kewujudan Pasar Raya Besar LuLu juga bakal merangsang persaingan sihat dalam pasaran serta memastikan harga barangan yang ditawarkan kepada para pengguna adalah yang paling kompetitif.